Pada pandangan saya setiap organisasi perlu mempunyai jabatan atau unit perhubungan rayanya sendiri. Ini kerana fungsi utama PR adalah untuk membentuk dan membina imej. Persepsi dibina berdasarkan imej yang dibentuk. Fungsi pembentukan imej ini adalah cabaran utama kepada setiap Pengamal PR. Walaupun bukan mudah untuk menjadi seorang Pengamal PR yang baik, seseorang itu perlu melengkapi diri dengan kemahiran berunding, merancang, menulis dan berucap. Malah beliau harus mempunyai ciri-ciri keperibadian yang murni. Kesungguhan, minat dan keikhlasan akan membezakan seorang Pengamal PR yang baik.

“

PR yang baik, seseorang itu perlu melengkapi diri dengan kemahiran berunding, merancang, menulis dan berucap. Malah beliau harus mempunyai ciri-ciri keperibadian yang murni.

”



PENGAMAL PR HARUS KENTAL DAN BERTANGGUNGJAWAB - DATIN OMI HABIBAH SHARIFF

Datin Omi Habibah Shariff telah melakar namanya sebagai Pengamal Perhubungan Raya yang disegani dalam sektor perkhidmatan awam sebaik sahaja menjawat jawatan sebagai Pegawai Penerangan pada tahun 1983. Sebagai seorang Pegawai Penerangan di Jabatan Penerangan Malaysia, bertugas sebagai Pegawai Perhubungan Raya (PR) di Kementerian-kementerian dan agensi-agensi Kerajaan adalah suatu kemestian.

Jawatan pertama saya sebagai Pegawai Perhubungan Raya bermula di Kementerian Penerangan (kini dikenali sebagai Kementerian Komunikasi dan Multimedia) selama tiga tahun (1983-1985) dan kemudian bertukar ke Kementerian Pengangkutan selama tujuh tahun (1985-1992). Berbekalkan pengalaman, komitmen dan kecekalan dalam melaksanakan tugas, saya seterusnya diberi kepercayaan untuk menerajui unit Perhubungan Raya antaranya di Kementerian Perpaduan Nasional dan Pembangunan Sosial (1993), Kementerian Pertanian (1995), Pejabat Timbalan Menteri (1995-1998) dan Kementerian Kewangan (2001-2007). Selain itu saya turut diberi tanggungjawab untuk memimpin beberapa bahagian di Kementerian Penerangan dan Jabatan Penerangan sendiri.

Cabaran Yang Perlu Diatasi

Semasa saya menjadi Ketua PR di Kementerian Pengangkutan, pada masa itu Tan Sri Dr. Ling Liong Sik adalah Menteri. Beliau juga merupakan Presiden Bina Badan Malaysia. Pada awal tahun 1990-an Malaysia menjadi tuan rumah Pertandingan Mr Universe. Oleh itu unit saya dilantik sebagai urus setia pertandingan. Memang sukar untuk menyeimbangi tugas sebagai PRO Kementerian dan di samping memastikan urusan pertandingan berjalan lancar dalam tempoh hanya dua bulan untuk membuat persiapan.

Cabaran yang sama turut dihadapi semasa bertugas di Kementerian Kewangan apabila diberi tanggungjawab untuk mengendalikan Mesyuarat Agong ke-30 Bank Pembangunan Islam (IDB) pada tahun 2005.

Rahsia Kejayaan

Rahsia kejayaan semua program ialah bekerja atas semangat kerjasama atau kerja berpasukan. Seseorang PRO tidak boleh lokek ilmu dan sentiasa sudi menerima teguran. Banyakkan melakukan perbincangan dan membuat perancangan dan strategi bagi mengelak masalah serta sentiasa perlu merancang pelan kontigensi untuk bersedia dengan apa sahaja situasi yang mungkin timbul.

Apa yang paling utama bagi saya ialah cara menyesuaikan diri dengan majikan. Macam mana hendak memenuhi kehendak majikan yang cerewet, perfectionist dan garang. Jika ini boleh dikendalikan dengan baik, tiada cabaran besar kerana kerja kita boleh dapat nasihat dan pandangan dari pelbagai pihak.

“

Rahsia kejayaan saya, bekerja atas semangat kerjasama atau kerja berpasukan.

”

PUBLIC RELATIONS IN MALAYSIA: EVOLUTION AND TRANSFORMATION

Jalin Hubungan Baik Dengan Media

Saya adalah graduan kewartawanan Institut Teknologi MARA, ITM (kini Universiti Teknologi MARA, UiTM) dan arif mengenai media (media savvy). Dalam memasarkan organisasi yang diwakili, saya mengambil pendekatan menjalin hubungan yang baik dengan pihak media di semua peringkat daripada wartawan sehingga kepada Ketua Editor.

Bagi seorang PRO kita perlu memberi penjelasan kepada media sekiranya sesuatu isu itu timbul. Aktiviti bersama media seperti lawatan ke organisasi, Malam Wartawan atau Malam Media mahupun taklimat media perlu kerap diadakan mengikut keperluan.

Kita perlu tahu *subject matter* dan apa itu *news value* bagi memudahkan berita kita dipasarkan.

Pengalaman Mematangkan Diri

Walaupun cita-cita sebenar saya ialah menjadi seorang wartawan dan penulis yang terkemuka, namun saya terpaksa akur dengan permintaan bapa supaya berkhidmat dalam perkhidmatan awam. Setelah berkecimpung dengan tugas-tugas PR, lahirlah minat baharu itu.

Apabila kita sudah berada dalam bidang ini dan merupakan kerjaya tetap, maka kita perlu melakukan yang terbaik. Itu prinsip saya, buat yang terbaik dalam apa saja tugas yang diceburi atau diberi. Hanya ini sahaja untuk mendapat kepercayaan ketua kita.

Minat saya semakin hari terhadap bidang ini semakin mendalam kerana ia memberi saya peluang untuk menunjukkan bakat, kepimpinan dan mempraktikkan ilmu yang dipelajari.

Walaupun dalam banyak keadaan, ketua Jabatan selalunya berperanan merancang dan membuat keputusan, namun jika seorang PR telah mendapat kepercayaan atau mandat ketua jabatannya maka ia adalah sesuatu yang boleh dibanggakan.

Pengalaman bertugas sebagai PRO turut memberi peluang kepada saya untuk meluaskan jaringan perhubungan terutamanya dengan pihak atasan kepimpinan kementerian atau jabatan tempat saya ditugaskan. Pengalaman mengenali dan berpeluang mendapat tunjuk ajar daripada pemimpin ternama negara dengan lebih dekat semasa bertugas adalah suatu yang sangat manis.

Antara tokoh yang pernah saya berkhidmat adalah Dato' Sri Anwar Ibrahim selama tiga tahun, Tun Abdullah Ahmad Badawi selama empat tahun, manakala Tan Sri Dato' Seri Utama Dr. Rais Yatim antara bos terawal saya apabila menjadi PRO pada tahun 1985.

Saya juga berkhidmat untuk dua Presiden MCA, Tan Sri Chong Hon Yan dan Tan Sri Ling Liong Sik. Menteri Wanita yang saya pernah bekerja adalah Dato' Nasiah Omar, Datin Paduka Rahmah Osman dan Tan Sri Zaleha Ismail.

Bekerja dengan mereka membuat kita perlu peka dan cekap dalam semua bidang. Banyak isu hubungan kemanusiaan kita belajar daripada mereka selain cekap dengan tugas pentadbiran di pejabat.

Kejayaan yang dikecapi kini adalah hasil teguran dan didikan daripada Ketua-ketua Setiausaha Kementerian tempat saya bertugas dan sangat dikenali dengan sikap tegas dan menitik berat kesempurnaan. Antaranya adalah Tan Sri Wan Sidik Abdul Rahman, Tan Sri Ishak Tadin, Tan Sri Ramon Navaratnam dan Tan Sri Shamsuddin Hitam.

Hakikatnya mereka ini nampak garang tetapi sebenarnya banyak mendidik dan membuat kita berjanji pada diri untuk tidak mengulangi kesalahan dan pastikan tidak dimarah lagi.

Moto kerja saya adalah belajar daripada kesalahan dan tidak mengulangi kesalahan yang sama serta buatlah sesuatu itu dengan sempurna.

Di samping itu sentiasalah menimba ilmu yang bersesuaian dengan tugas samada melalui kursus, pembelajaran mahupun berdasarkan tugas yang diberikan.

PR dan Masa Depan

Seorang Pengamal PR harus memiliki ketahanan terhadap tekanan, tahu tanggungjawabnya dan harus dikenali serta dihormati. Bagi saya, seorang PR harus mempunyai soft skills - berilmu, berkepimpinan, mahir dalam bahasa utama, peramah, kreatif, berkeyakinan, berkebolehan menulis, petah bercakap dan bijak menganalisa situasi.

Saya berpendapat bidang PR amat penting sebagai penghubung antara organisasi dan kumpulan sasar terutamanya rakyat, di samping membentuk imej organisasi. Peranan terpenting PRO adalah menjadi jurucakap dan penghubung antara media dan organisasi.

“

Pengalaman bertugas sebagai PRO turut memberi peluang kepada saya untuk meluaskan jaringan perhubungan terutamanya dengan pihak atasan atau kepimpinan kementerian mahupun jabatan tempat saya ditugaskan.

”



SUSUN STRATEGI BERI INFORMASI KEPADA 'DISSENTING VOICES' – RAMLI BIN MOHAMED YOOSUF

Ramli bin Mohamed Yoosuf dilahirkan pada 21 Mac 1965 di Kuala Terengganu. Saya memulakan pendidikan awal di sekolah berasrama penuh Sekolah Menengah Sains Sultan Haji Ahmad Shah, Kuantan. Selepas itu, saya meneruskan pengajian di peringkat Diploma in Business Studies (Management) di Universiti Teknologi MARA (UiTM). Saya pernah berkhidmat sebagai guru sementara dan mengajar Bahasa Inggeris di Sekolah Kebangsaan Chini, Pekan sehinggalah diterima masuk untuk menjalani latihan asas Inspektor di Pusat Latihan Polis Jalan Semarak, Kuala Lumpur pada 5 April 1987. Tarikh tersebut adalah titik tolak kerjaya sebenar saya di dalam Polis Diraja Malaysia.

Pada 5 November 1987, selaku Inspektor Percubaan saya telah ditempatkan di Cawangan Jenayah Perdagangan, Jabatan Siasatan Jenayah (JSJ). Pada lewat tahun 1980-an kes-kes jenayah perdagangan banyak melibatkan penyelewengan kewangan koperasi dan penipuan syarikat 'fly-by-night'. Di sinilah saya mula mempelajari selok-belok dan teknik penyiasatan apabila terlibat dalam pasukan penyiasatan kes berprofil tinggi seperti kes penipuan Bank Bumiputra melibatkan kerugian RM22.2 juta dan kes pecah amanah jenayah oleh pegawai Bank Hock Hua dengan kerugian sebanyak RM5.5 juta.

Pada tahun 1993, selaras dengan pembesaran JSJ, Cawangan Jenayah Perdagangan telah dinaik taraf kepada Bahagian Siasatan Jenayah Perdagangan (BSJP) di mana Unit Antarabangsa telah ditubuhkan bagi menangani permohonan bantuan daripada agensi kepolisan antarabangsa mengenai kes-kes jenayah ekonomi. Saya telah ditukarkan sebagai Inspektor Perhubungan Antarabangsa di Bahagian tersebut. Ini juga merupakan satu lagi titik tolak dalam kerjaya perkhidmatan saya sebagai pegawai perhubungan BSJP dengan agensi polis luar negara.

Setelah berkhidmat selama tujuh tahun, saya melanjutkan pelajaran dalam jurusan Business Administration (Human Resources and Industrial Relations) di Idaho State University, Amerika Syarikat pada tahun 1994. Saya ditempatkan di Bahagian Perkhidmatan dan Perjawatan, Jabatan Pengurusan, PDRM di mana saya memanfaatkan pengetahuan dalam sistem pengurusan sumber manusia PDRM, terutamanya dalam hal-hal berkaitan penempatan dan pertukaran. Pada tahun 1998, saya telah ditawarkan ke pangkat Kadet Asisten Superintenden Polis (ASP) dan kekal di unit yang sama.

Pertubuhan Bangsa-Bangsa Bersatu

Pergolakan politik berlaku di beberapa negara, terutamanya di benua Afrika pada tahun 1980-an dan ia mula reda di akhir tahun 1990-an. Sebagai negara ahli PBB, pasukan keselamatan Malaysia (Polis dan Tentera) sentiasa dipelawa oleh badan dunia tersebut untuk menyertai misi-misi pengaman di seluruh dunia. Pada keseluruhannya, pasukan keselamatan Malaysia terlibat lebih daripada 10 misi PBB, termasuklah dalam konteks pergolakan pasca-konflik di negara 'sub-Saharan' Afrika. Saya menyertai pasukan pengaman PBB pada bulan Mei 2000, di mana ditugaskan sebagai United Nations Civilian Police (UNPOL) di misi pengaman PBB Sierra Leone (United Nations Mission in Sierra Leone atau UNAMSIL).

Sebaik tiba di negara Afrika Barat tersebut, saya telah ditempatkan sebagai "Training Officer" bertanggungjawab memberi latihan asas dan lanjutan kepada Sierra Leone Police Service (SLPS). Selain daripada latihan, saya juga terlibat dalam fungsi pengurusan SLPS, termasuklah pengambilan rekrut baharu dalam SLPS dan terlibat secara langsung dalam mesyuarat Management Executive Board SLPS yang dipengerusikan oleh Ketua Polis SLPS dan pengurusan tertinggi polis negara tersebut.

PUBLIC RELATIONS IN MALAYSIA: EVOLUTION AND TRANSFORMATION

Saya kembali ke tanah air pada akhir tahun 2001 setelah berkhidmat selama satu setengah tahun di bawah panji-panji PBB dan dinaikkan ke pangkat Timbalan Penguasa Polis (DSP) pada tahun 2002. Pada tahun 2003, saya ditugaskan semula ke pengoperasian misi PBB di Sierra Leone. Di pusingan kedua penugasan UNPOL ini, saya bertugas sebagai Deputy Training Advisor dan kemudiannya dilantik sebagai Chief of Staff UNPOL di misi Sierra Leone tersebut.

Berdasarkan prestasi semasa di Sierra Leone, pada tahun 2004, saya telah mendapat tawaran untuk berkhidmat di United Nations Headquarters, New York. Di sini saya telah bertugas selama empat tahun, iaitu dari tahun 2004 hingga 2008. Penugasan Pentadbiran di ibu pejabat PBB tersebut termasuklah sebagai pengurus misi bagi tiga buah negara, iaitu Sierra Leone, Western Sahara, dan Timor Leste; kemudian sebagai Pegawai Latihan untuk memilih dan melatih pegawai polis dari negara-negara PBB yang akan menyertai misi-misi PBB di seluruh dunia. Saya telah dinaikkan ke pangkat Superintenden Polis pada tahun 2005. Di akhir penugasannya di New York, saya ditempatkan di unit pembangunan dasar di Office of Rule of Law and Security Institutions, United Nations Department of Peacekeeping Organisations. Apabila kembali ke PDRM, saya telah ditempatkan di Bahagian Protokol (Istiadat) Jabatan Pengurusan yang tugasnya melibatkan pengurusan majlis-majlis rasmi dan protokol yang dianjurkan oleh PDRM.

“

PDRM amat menyedari hakikat bahawa polis adalah sebahagian daripada rakyat dan rakyat adalah sebahagian daripada polis. Namun kefahaman ini hanya boleh wujud sekiranya terdapat strategi dan sistem komunikasi yang berkesan.

”

Penglibatan Dalam Komunikasi Korporat

Saya dinaikkan pangkat Penolong Pesuruhjaya Polis (ACP) pada tahun 2010 dan ditukarkan ke Urusetia Ketua Polis Negara Komunikasi Korporat (USKPNKK). Berbekalkan pengalaman selama lebih daripada enam tahun berkhidmat di bawah PBB, saya mengaplikasikan PR dengan pelbagai lapisan ‘stakeholders’ dalam melaksanakan tugas sebagai Pegawai Perhubungan Awam PDRM. Secara kebetulan, pertukaran saya ke USKPNKK ketika PDRM berhadapan dengan pelbagai cabaran yang melibatkan imej pasukan polis dipersoalkan, terutamanya tekanan oleh sebahagian masyarakat yang merasakan perkhidmatan polis perlu diperkemarkan demi menjamin keselamatan dan kesejahteraan orang ramai. Persekitaran politik yang hangat juga menambahkan cabaran yang perlu ditangani oleh polis secara berkesan untuk menjaga ketenteraman awam dan keharmonian serta kesejahteraan rakyat keseluruhannya.

PDRM amat menyedari hakikat bahawa polis adalah sebahagian daripada rakyat dan rakyat adalah sebahagian daripada polis. Namun kefahaman ini hanya boleh wujud sekiranya terdapat strategi dan sistem komunikasi yang berkesan. Bagi menzahirkan dan menstrukturkan hubungan ini dengan lebih jelas, pucuk kepimpinan PDRM telah menubuhkan Pusat Media PDRM pada tahun 2010. Penubuhan Pusat Media telah membolehkan rakan-rakan media PDRM memperolehi maklumat secara langsung disalurkan melalui Pusat Media PDRM. Selain daripada obligasi terhadap masyarakat tersebut dipenuhi, pada awal tahun 2010 laman Facebook PDRM juga telah dilancarkan atas dasar penyampaian maklumat secara lebih pantas kepada pengguna-pengguna Internet di negara ini, iaitu di antara yang tertinggi di dunia. Sehingga kini, USKPNKK mempunyai unit-unit komunikasi meliputi media sosial, media cetak, media elektronik dan penerbitan yang lengkap yang membolehkannya berfungsi dengan berkesan sebagai ‘lidah’ rasmi PDRM kepada masyarakat dan ‘stakeholders’.

Dorongan Menceburi Bidang Komunikasi Korporat

Secara peribadi, saya memang suka mendengar atau mentelaah sesuatu, sama ada pendapat, rintihan, komen, kritikan dan sebagainya. Di atas faktor inilah saya suka berinteraksi dengan semua lapisan di dalam dan luar organisasi PDRM; sama ada perhubungan komunikasi di dalam hirarki sejajar, ke atas atau ke bawah. Lama-kelamaan, minat ini semakin menebal dan menjadi satu kemahiran kepada saya yang juga berminat dalam bidang penulisan, selain daripada penyelidikan ilmiah.

Cabaran Sebagai Pegawai Perhubungan Awam

Apapun cabaran yang dihadapi oleh PRO, sifat asas yang perlu ada dalam diri seseorang PRO ialah pengetahuan, kemahiran dan kebolehannya untuk menangani cabaran tersebut. Cabaran utama sebagai PRO PDRM adalah untuk meyakinkan media dan orang ramai bahawa PDRM melakukan yang sebaiknya dalam menangani isu-isu yang melibatkan kepentingan orang awam. Namun, di dalam era ledakan informasi sekarang, banyak berita dan pendapat adalah berlandaskan 'background assumptions' atau persepsi penulis mahupun pemberi pendapat tersebut. Lebih malang lagi, ada sesetengah golongan masyarakat yang lebih suka dimomokkan dengan cerita-cerita sensasi, separuh-benar, spekulasi, teori, misteri, konspirasi dan sebagainya sehingga mengaburi kebenaran dan kewarasan mereka untuk menimbangakan tindakan-tindakan yang diambil oleh PDRM terhadap sesuatu insiden.

Penyertaan aktif Generasi X dan Y dalam alam ICT turut memberi sedikit sebanyak cabaran baharu kepada PDRM. Walau bagaimanapun, berbekalkan pengalaman selama 207 tahun, PDRM agak matang dalam menilai segala kritikan terhadap mereka. Maka peranan Pegawai Perhubungan Awam

polis adalah untuk menyusun strategi bagi memberi informasi kepada 'dissenting voices' yang dilunaskan dalam alam siber. Cabaran-cabaran tersebut mampu ditangani sedikit demi sedikit melalui diseminasi maklumat menerusi sidang dan kenyataan media, media sosial, malah secara terus melalui telefon dan perjumpaan bersemuka.

Semua tindakan ini sebenarnya adalah merupakan pendekatan yang lebih telus dan terbukti menunjukkan keberhasilan positif. Sekarang orang ramai boleh mengetahui perkembangan sesuatu kes secara masa-sebenar (real-time), malah begitu pantas sehingga dalam sesetengah insiden, sebelum berita mengenainya dilaporkan secara rasmi oleh media utama.

Umpamanya dalam kes bunuh, bukan sahaja orang ramai mengetahui lokasi kejadian, tetapi mereka juga mengetahui motif, butiran suspek, senjata digunakan dan sebagainya. Suasana ini wujud seolah-olah seperti obligasi sosial masyarakat untuk berkongsi maklumat di antara satu sama lain dan dalam kebanyakan hal ia adalah sesuatu yang memberangsangkan kerana ini juga mendesak PDRM untuk memperkemas dan mempertingkatkan kecekapan dalam sistem penyiasatan untuk memenuhi tuntutan masyarakat tersebut.

Dalam masa yang sama, PDRM juga berhadapan dengan kekangan untuk memenuhi aspirasi, ekspektasi dan tuntutan masyarakat. Umpamanya, media mikro-blogging seperti Twitter adalah begitu pantas dan sekiranya sedang berdepan dengan sesuatu krisis atau kes, maka PDRM akan diasak dengan desakan supaya penyiasatan disegerakan.

Perlu diingat bahawa mungkin kecanggihan wujud dalam sistem komunikasi di era ini, tetapi walaupun ada bantuan teknikal, sistem penyiasatan masih memerlukan penelitian sebelum sesuatu rumusan dapat dibuat.

PUBLIC RELATIONS IN MALAYSIA: EVOLUTION AND TRANSFORMATION

Sentimen dan polemik politik juga merupakan cabaran kepada PDRM. Apapun tindakan yang diambil oleh PDRM, tuduhan melulu yang menjurus kepada serangan yang berbaur politik sering ditujukan kepada PDRM. Umpamanya, tidak berapa lama dahulu PDRM dikatakan tidak menggunakan sumber secara optima apabila hanya sebilangan pegawai dan anggota yang ditempatkan dalam Jabatan Siasatan Jenayah. Keutamaan PDRM dalam distribusi sumber manusia adalah salah dan tidak menjurus kepada pembanterasannya jenayah. Komunikasi korporat berperanan untuk membetulkan tanggapan salah ini, terutamanya dalam memberi penerangan bahawa hampir keseluruhan tenaga manusia di dalam PDRM adalah 'operational', iaitu mereka menjalankan tugas secara aktif berlandaskan fungsi dan objektif PDRM seperti yang termaktub dalam Seksyen 3(3) Akta Polis 1967. Jabatan Siasatan Jenayah hanyalah satu elemen di dalam keseluruhan PDRM yang dikhaskan untuk menyiasat kes-kes jenayah.



Ramli memberi penerangan kepada YAB Perdana Menteri dalam satu taklimat berkaitan isu negara.

Kedudukan PRO PDRM Berbanding Pro Sektor Awam Yang Lain

Sama seperti lain-lain PRO, 'immediacy' atau ketangkasan dalam penyampaian maklumat kepada *stakeholders* adalah kunci atau kayu ukur keberkesanan penugasan tersebut; malah keberkesanan dan prestasi pasukan keseluruhannya. Namun, PRO PDRM adalah agak unik kerana sentiasa bergelumang dengan insiden-insiden menarik perhatian yang memerlukan penyelarasan di semua peringkat; daripada pondok polis, balai, daerah, kontinjen (negeri) hinggalah ke peringkat pusat. Keperluan kepada ketangkasan ini selalunya memerlukan tenaga dan keupayaan yang tinggi kerana pelaporannya melibatkan keseimbangan luaran (*external stakeholders*) dan dalaman (*internal stakeholders*).

Jika tiada perseimbangan, maka akan timbul pergeseran yang boleh pula menimbulkan konflik dengan *stakeholders*. Dalam isu agensi-agensi lain, walaupun kaedahnya sama, implikasi negatifnya masih boleh diserap dan dirasionalisasi oleh orang ramai.

Secara fitrahnya, organisasi polis di mana-mana negara dalam dunia akan sentiasa berhadapan dengan krisis yang memerlukan tindakan daripada semua pihak. Umpamanya, dalam satu insiden pergaduhan di antara dua penunggang motosikal berlainan kaum di utara Semenanjung, perkara tersebut telah diperbesarkan sedemikian rupa di dalam media sosial sehingga menjadi tular bahawa rusuhan perkauman telah berlaku. Namun tindakan polis negeri tersebut dan ditambah dengan maklumat dan penjelasan yang disebarkan melalui sosial media PDRM telah menyebabkan insiden tersebut dapat dibendung dengan reda tanpa melibatkan kemalangan jiwa. Kesimpulannya, PRO PDRM adalah sentiasa mencabar dan memerlukan daya tindak yang pantas tanpa mengira waktu untuk menangani sesuatu isu.

Peranan PRO Dalam Mengekalkan Kecemerlangan PDRM

PRO dan Komunikasi Korporat berperanan untuk memanjangkan agenda PDRM kepada rakyat, iaitu untuk mengekalkan keselamatan dan keharmonian semua golongan masyarakat dalam negara. Agenda ini adalah sesuatu yang amat berat kerana dengan ledakan informasi di era ini, semuanya boleh menjadi rapuh sekiranya tidak dibendung sejak awal. Justeru, segala maklumat mengenai aktiviti PDRM hendaklah sentiasa dilaporkan kepada orang ramai, terutamanya dalam hal-hal yang melibatkan jenayah. Ini sekali gus membolehkan orang ramai menilai kecekapan pasukan polis melalui laporan-laporan rampasan dan tangkapan kes-kes narkotik, jenayah perdagangan dan jenayah kekerasan melibatkan nyawa dan harta benda. Laporan-laporan ini dibuat mengikut kejayaan-kejayaan yang dibuat sepanjang tahun.

Pendekatan Multi Dimensi Berterusan Melestari Keyakinan Rakyat

Hanya melalui pendekatan multi-dimensi yang menyeluruh serta dibuat secara berterusan akan mampu melestarikan keyakinan masyarakat terhadap polis. Tindakan polis secara profesional akan menjamin implikasi positif ke arah kesejahteraan dan keharmonian negara. Justeru, penghubung polis kepada semua “stakeholders” adalah rangkaian komunikasi yang cepat, dengan maklumat yang betul, melalui saluran sistem penyampaian Komunikasi Korporat yang berkesan. Ke arah ini, PDRM sentiasa memperbaharui kaedah komunikasi supaya setanding dengan sistem kepolisan moden yang setaraf dengan negara-negara maju.



Hubungan dengan media perlu dijaga agar maklumat tepat dapat disampaikan kepada rakyat.



PERSEPSI BAIK PENGAMAL PR RAIH KEYAKINAN MASYARAKAT UMUM – BRIGADIER JENERAL FADZLETTE OTHMAN MERICAN BTE IDRIS MERICAN (3001629)

Bidang ketenteraan dan Perhubungan Awam memang telah sebatik dalam diri saya. Apatah lagi dengan jawatan saya sebagai Setiausaha Akhbar kepada Menteri Dalam Negeri Malaysia, Dato' Seri Dr Ahmad Zahid bin Hamidi, saya terpanggil untuk memartabatkan profesion Perhubungan Awam khususnya dalam bidang ketenteraan.

Saya dilahirkan di Kuala Lumpur dan menyertai Angkatan Tentera Malaysia (ATM) pada tahun 1980. Saya menuntut dalam bidang Perhubungan Awam di Institut Teknologi Mara. Saya menerima Ijazah Am Komunikasi Massa (1991) dan seterusnya menyambung pelajaran ke peringkat Sarjana Sastera (Komunikasi) di Universiti Kebangsaan Malaysia pada tahun 1998.

Selepas menamatkan latihan tentera, saya ditempatkan di KOR Am Perhubungan Raya (KAPR) selama dua tahun.

Dalam waktu yang sama, saya dihantar ke BERNAMA selama enam bulan bagi mempelajari bentuk-bentuk penulisan seperti laporan dan sebagainya. Sepanjang pembelajaran di BERNAMA, saya memanfaatkan sepenuhnya dan telah membentuk keyakinan untuk saya terus berkecimpung dalam bidang ini.

Sungguhpun secara asasnya, saya telah dilatih sebagai seorang tentera, ini tidak bermakna saya harus melupakan apa yang telah dipelajari.

Untuk itu, saya sentiasa memastikan satu ruang dan masa diperuntukkan bagi mengikuti latihan formal atau tidak formal bagi mengelakkan skop ruang kerja yang tidak berkembang dan statik.

Bersikap Terbuka

Bagi mengekalkan pemikiran yang positif dalam mengharungi dunia Perhubungan Awam, kita perlu sentiasa bersikap terbuka. Dalam dunia ketenteraan, cabaran sentiasa menanti. Antaranya, membuktikan penglibatan wanita dalam ketenteraan adalah diiktiraf.

Ini bukan satu perkara yang mudah sebaliknya memerlukan komitmen yang tinggi. Secara amnya, falsafah kerjaya Perhubungan Awam dalam ketenteraan tidak terbatas kepada lingkungan komuniti itu sahaja.

Sebaliknya saya perlu berhadapan dengan pegawai atasan yang pastinya seorang yang begitu berdisiplin dan tegas. Saya perlu meyakinkan mereka bahawa apa dilaksanakan mencapai atau melebihi tahap yang dijangkakan.

Begitu juga saya perlu berurusan dengan pengamal media, masyarakat luar dan juga rakan setugas. Oleh yang demikian, perancangan yang strategik bersama pegawai atasan dan rakan setugas adalah amat penting di samping penekanan komunikasi bersemuka dilakukan.

Berpegang kepada falsafah tersebut juga, pada tahun 2002, saya dinaikkan pangkat sebagai Timbalan Pengarah Cawangan Perhubungan Awam yang beroperasi di Kuala Lumpur.

PUBLIC RELATIONS IN MALAYSIA:
EVOLUTION AND TRANSFORMATION

Iltizam Lakukan Yang Terbaik

Setiap hari kita perlu beriltizam untuk melakukan yang terbaik buat organisasi kita, laksanakan secara jujur dan ikhlas dan bukan untuk mengembirakan hati orang lain. Secara tidak langsung, keseronokan dan kepuasan dalam bekerja akan hadir dengan sendirinya.

Selain itu, perwatakan kita juga memainkan peranan. Hendaklah sentiasa kemas dan menarik, perlu kelihatan mesra dan mudah didekati. Paling utama, kita sewajarnya berpengetahuan luas dalam selok belok organisasi yang diwakili.

Sebagai seorang ketua, saya tidak pernah menghadapi masalah dengan kakitangan atau pegawai lelaki yang bekerja dengan saya. Saya mementingkan hasil kerja yang baik serta berkualiti. Namun, saya sedar dan menerima hakikat bahawa dalam kehidupan bukan semua menyukai dan tidak semua pula membenci.

Dalam kerjaya, kita berurusan dengan sumber manusia dan manusia itu sendiri. Apa juga kerjaya dan di mana kita berada, masalah akan timbul kerana kehidupan manusia berbeza-beza.

Persepsi Positif

Saya percaya kerjaya dalam kehidupan datang daripada keredhaan Allah SWT. Perlu diingat cabaran dalam Perhubungan Awam adalah bagaimana kita membina hubungan dua hala yang berkesan bersama orang disekeliling yang begitu teruja dengan maklumat sesuatu kejadian. Begitu juga, bidang ini turut berhadapan dengan perkara yang tidak diduga.

Oleh yang demikian, kebijaksanaan untuk mengekalkan imej bersih organisasi yang kita wakili perlu diberi keutamaan. Bagaimana kita menguar-uarkan sesuatu tindakan yang diambil kesan daripada sesuatu kejadian juga memerlukan satu ketelitian agar tidak berlaku kebocoran maklumat yang dianggap sulit.

Secara keseluruhan, peranan anggota Perhubungan Awam dan saluran media amat penting kerana melaluinya segala maklumat, tindakan yang kita laksanakan sewaktu berhadapan dengan krisis dapat dipasarkan kepada masyarakat umum dan secara tidak langsung berupaya membendung persepsi negatif masyarakat luar terhadap keupayaan organisasi kita.

Saya mengakui persepsi yang baik akan meraih keyakinan masyarakat umum. Keupayaan ini memberi laluan mudah kepada ATM melaksanakan kerja-kerja sukarela seperti membina rumah dan gotong-royong bersama masyarakat luar bandar. Ini merupakan salah satu aktiviti kemasyarakatan atau *Corporate Social Responsibility* (CSR) yang diaturkan oleh ATM bagi mendekatkan anggota tentera dengan masyarakat.

Bagi saya, bidang Perhubungan Awam tidak terbatas kepada pengurusan isu semata-mata. Sebaliknya ia perlu dikembangkan mengikut golongan sasaran kita. Masing-masing mempunyai keutamaan di mana nilai anggota tentera di mata masyarakat adalah penting dan di sini keprihatinan kita tonjolkan. Kita pupukkan semangat bekerjasama dan saling bantu-membantu dalam apa jua keadaan. Keharmonian dan perpaduan perlu diwujudkan. Program-program yang dilakukan oleh ATM juga membangunkan taraf sosio-budaya masyarakat di luar bandar.

Sibuk dengan kerjaya bukan bermakna saya mengabaikan keluarga. Suami saya Syed Feisal bin Syed Mohsen Alsagoff sentiasa memberi dorongan kuat agar saya terus berjaya dalam kerjaya manakala tiga anak saya, Syed Farid, 27, Sharifah Farihan, 22 dan Syed Faris, 21 tahun cukup memahami kerjaya saya. Sering meninggalkan anak-anak kerana tugas bukan bermakna saya tidak mengasihi sebaliknya apa yang telah saya sediakan untuk mereka membuktikan kasih sayang saya yang tiada berbelah bahagi kepada ahli keluarga saya.

“

Bidang Perhubungan Awam tidak terbatas kepada pengurusan isu semata-mata. Sebaliknya ianya perlu dikembangkan mengikut golongan sasaran kita.”

”



Fadzlette tidak pernah menghadapi masalah dengan kakitangan dan pegawai lelaki yang bekerja dengannya.

PENUTUP

Bidang PR memainkan peranan yang penting dalam menjamin kekuatan, kemajuan dan imej serta reputasi sesebuah organisasi. Sejauh mana keberkesanan Pengamal PR dalam sesebuah organisasi itu ada kaitannya dengan kedudukan yang diberi kepada bidang ini. Justeru, wajarlah Pengamal PR diberikan kedudukan terpenting dalam hierarki sesebuah organisasi. Kepemimpinan sesebuah organisasi harus meletakkan PR sebagai aspek penting dalam pengurusan organisasinya. Lantaran itu adalah penting Pengamal PR diberi kedudukan yang sewajarnya untuk memasti dan membolehkannya memikul tanggungjawab dengan lebih berkesan.

Bagi organisasi yang tidak memahami kepentingan bidang ini maka ia tidak akan memiliki daya saing dan akan terbelenggu dengan pendekatan dan strategi yang tidak dinamik dan berkesan sehingga boleh meninggalkan kesan negatif kepada organisasi. Hakikatnya, sesebuah organisasi atau institusi masa kini memerlukan amalan PR yang terbaik. Peranan Pengamal PR dalam mengekalkan imej organisasi, mengawasi dan mengurus pendapat awam, mengurus isu berkaitan organisasi serta menganalisis kesannya terhadap organisasi dan seterusnya mengatur strategi pemasaran maklumat mengenai dasar, aktiviti, produk atau perkhidmatan organisasi serta mengurus perhubungan dengan media adalah antara tanggungjawab penting yang harus dipikul oleh Pengamal PR.

Praktik dan aplikasi PR dengan menerapkan unsur-unsur psikologi, politik, ekonomi dan keterampilan PR akan mampu menarik perhatian, penerimaan dan kerjasama publik dan kumpulan sasar yang akhirnya akan memudahkan pemasaran maklumat dan produk sesebuah organisasi itu. Dalam konteks sektor awam, amalan PR yang berkesan mampu meningkatkan keyakinan publik atau rakyat terhadap kewibawaan dan imej kerajaan serta menjadi negara maju ke hadapan bagi mencapai wawasan yang dicitakan.



BIBLIOGRAFI

ARTIKEL

INSTITUTE PUBLIC RELATIONS MALAYSIA FOR ENHANCING THE PROFESSION

Annual Kristal and the Most PR Savvy CEO 2004 (2004). Kuala Lumpur: IPRM.

Arun, K.C. (1977). Public Relations Education in Asia and Other Developing Nations. Paper presented at the VII Public Relations Congress, Boston, USA.

Hamdan Adnan, 1985. PR Di Malaysia. Kuala Lumpur: Nurin Enterprise.

Hamdan Adnan, 1987. Prinsip Perhubungan Awam. Shah Alam: Biroteks ITM.

Hamdan Adnan & Hafied Cangara, 1996. Prinsip Prinsip Hubungan Masyarakat. Surabaya: Usaha Nasional.

Hamidah Karim, 1/1979. FAPRO Geared for ASEAN Challenge in Perhubungan. Kuala Lumpur: IPRM.

Hamidah Karim, 1984. Review of the PR Situation in Malaysia in Perhubungan. Kuala Lumpur: IPRM.

Hamidah Karim & Dato' Ahmad Nordin, 1983. Public Relations: Putting it Right. 3rd CAM/IPRM Diploma.

Institute of Public Relations Malaysia, 2003. World Class Public Relations Practice in Malaysia. Kuala Lumpur: IPRM.

IPRM Annual Report, 1993/94; 1994/95; 1996/1997.

Kaur, Kirenjit, 2002. Public Relations Professionalism in Malaysia. Paper presented at the International Communication Association 2002 Conference, Seoul, Korea.

Mohd Hamdan Haji Adnan, 1988. Konsep Asas Perhubungan Awam. Kuala Lumpur: DBP.

Mohd Hamdan Adnan, 1993. Teknik Perhubungan Awam. Kuala Lumpur: DBP.

Mohd Hamdan Adnan, 1995. Pendapat Umum. Kuala Lumpur: DBP.

Mohd Hamdan Adnan, 2008. Perkembangan Perhubungan Awam Kerajaan dan Politik Malaysia. Shah Alam: UiTM.

Mohd Hamdan Adnan, 2008. Pengamalan Perhubungan Awam Kerajaan dan Politik Malaysia. Shah Alam: UiTM.

Mohd Hamdan Adnan, 2010. Government & Political Public Relations: An Introduction. Shah Alam: UiTM.

Mohd Hamdan Adnan, 2010. A Dictionary for Communication and Public Relations Practice. Shah Alam: UiTM.

Morais, Benedict and Mohd Hamdan, (eds.) 1986. Public Relations: The Malaysian Experience. Kuala Lumpur: OIRM & Federal Publication.

Morais, Benedict, October 1984. The Role of IPRM in Advancing the Profession in Perhubungan. Kuala Lumpur: IPRM.

Shameen Abdul Jalil, 2009. Growing in Public Relations Lessons From the Past. Kuala Lumpur: IIUM Press.

Syed Arabi Syed Idid, 2000. The History of Institute Public Relations Malaysia. Kuala Lumpur: IPRM.

Syed Arabi Syed Idid, 2001. Datuk Muhamed Sopiee Sheikh Ibrahim, Friend and Mentor of Public Relations. Memorial Citation on Datuk Sopiee bin Sheikh Ibrahim, Kuala Lumpur: IPRM.

ARTIKEL

PUBLIC RELATIONS IN MALAYSIA: EVOLUTION AND TRANSFORMATION

Department of Information, www.penerangan.gov.my, retrieved on 1 November 2013.

Hamdan Adnan (1985). PR di Malaysia. Kuala Lumpur: Nurin Enterprise.

Kiranjit Kaur (1997). The impact of privatization on public relations in Malaysia. College Park, Maryland: University of Maryland. Unpublished thesis.

Syed Arabi Idid (1994). Perhubungan Awam Di Malaysia: Satu kajian tentang pengamal di Malaysia, Bangi: Universiti Kebangsaan Malaysia.

Syed Arabi Idid (2005). Institute of Public Relations Malaysia: A Historical Perspective, Kuala Lumpur: International Islamic University Malaysia.

ARTIKEL

HUMAN RIGHTS & CONSUMER EDUCATION FOR PUBLIC RELATIONS PROFESSIONAL DEVELOPMENT

Amnesty International (2004). Amnesty International Report. Amnesty International Publications.

Alexander, Fran (ed) (1998). Encyclopedia of World History. Oxford University Press.

Alston, Philip (2005). “Ships Passing in the Night: The Current State of the Human Rights and Development Debate seen through the Lens of the Millennium Development Goals”. Human Rights Quarterly. Vol. 27 (No. 3) p.807

Arnhart, Larry (1998). Darwinian Natural Right: The Biological Ethics of Human Nature SUNY Press.

Ball, Olivia; Gready, Paul (2007). The No-Nonsense Guide to Human Rights. New Internationalist.

Barber, Benjamin R. (2008). Consumed: How Markets Corrupt Children, Infantilize Adults, and Swallow Citizens Whole. W. W. Norton .

Barzilai, Gad. (2003). Communities and Law: Politics and Cultures of Legal Identities. Ann Arbor: University of Michigan Press.
Chauhan, O.P. (2004). Human Rights: Promotion and Protection. Anmol Publications PVT. LTD.

Cook, Rebecca J.; Fathalla, Mahmoud F. (September 1996). “Advancing Reproductive Rights Beyond Cairo and Beijing”. International Family Planning Perspectives Vol.22 (No.3): p.115-121

Cross, Gary (2000). An All-Consuming Century: Why Commercialism Won In Modern America. Columbia University Press. (Paperback, 256 pages)

Davenport, Christian (2007a). State Repression and the Domestic Democratic Peace. New York: Cambridge University Press.

Davenport, Christian (2007b). State Repression and Political Order. Annual Review of Political Science.

Donnelly, Jack. (2003). Universal Human Rights in Theory & Practice. 2nd ed. Ithaca & London: Cornell University Press.

Ellerman, David (2005). Helping People Help Themselves: From the World Bank to an Alternative Philosophy of Development Assistance. Ann Arbor: University of Michigan Press.

Espósito, John L. (2004). The Oxford Dictionary of Islam. Oxford University Press.

Espósito, John L. (2005). Islam: The Straight Path. Oxford University Press.

Finnis, John (1980). Natural Law and Natural Rights Oxford: Clarendon Press.

Forsythe, David P. (2000). Human Rights in International Relations. Cambridge: Cambridge University Press. International Progress Organization.

Forsythe, David P. (2005). The Humanitarians: The International Committee of the Red Cross Cambridge University Press.

Freedman, Lynn P.; Isaacs, Stephen L. (Jan-Feb 1993). “Human Rights and Reproductive Choice”. Studies in Family Planning Vol.24 (No.1): p.18-30

Ignatieff, Michael (2001). Human Rights as Politics and Idolatry. Princeton & Oxford: Princeton University Press.

Glendon, Mary Ann (2001). A World Made New: Eleanor Roosevelt and the Universal Declaration of Human Rights. Random House of Canada Ltd.

Haddad, Yvonne Yazbeck; Espósito, John L. (1998) Islam, Gender, and Social Change. Oxford University Press US.

Jones, Lindsay. Encyclopaedia of religion, second edition.

Johannes Morsink, “The Universal Declaration of Human Rights: Origins, Drafting & Intent” (Philadelphia: University of Pennsylvania Press, 1999).

Joseph, Suad; Najmabadi, Afsaneh (eds) (2007). Encyclopedia of Women & Islamic Cultures. Brill Publishing.

Khadduri, Majid (1978). “Marriage in Islamic Law: The Modernist Viewpoints”. American Journal of Comparative Law Vol. 26 (No. 2): pp. 213-218.

Köchler, Hans (1981). The Principles of International Law and Human Rights. hanskoechler.com

Köchler, Hans. (1990). “Democracy and Human Rights”. Studies in International Relations, XV. Vienna: International Progress Organization.

Kohen, Ari (2007). In Defense of Human Rights: A Non-Religious Grounding in a Pluralistic World. Routledge.

Landman, Todd (2006). Studying Human Rights. Oxford and London: Routledge.

Littman, David (1999). “Universal Human Rights and ‘Human Rights in Islam’”. Midstream Magazine Vol. 2 (no.2) pp. 2-7

McAuliffe, Jane Dammen (ed) (2005). Encyclopaedia of the Qur’an: vol 1-5 Brill Publishing.

McLagan, Meg (2003) “Principles, Publicity, and Politics: Notes on Human Rights Media”. American Anthropologist. Vol. 105 (No. 3). pp. 605-612

Miller, Eric. Attracting the Affluent. Naperville, Illinois: Financial Sourcebooks, 1991.

- a. Möller, Hans-Georg (2003). How to Distinguish Friends from Enemies: Human Rights
- b. Rhetoric and Western Mass Media.

Robertson, Arthur Henry; Merrills, John Graham (1996). Human Rights in the World: An Introduction to the Study of the International Protection of Human Rights. Manchester University Press.

Schimmel, Annemarie (1992). Islam: An Introduction. SUNY Press.

Sen, Amartya (1997). Human Rights and Asian Values..

Shute, Stephen & Hurley, Susan (eds.). (1993). On Human Rights: The Oxford Amnesty Lectures. New York: Basic Books.

Steiner, J. & Alston, Philip. (1996). International Human Rights in Context: Law, Politics, Morals. Oxford: Clarendon Press.

Sunga, Lyal S. (1992) Individual Responsibility in International Law for Serious Human Rights Violations, Martinus Nijhoff Publishers.

Tahir-ul-Qadri, Muhammad (2005), Huquq al Insania fil Islam (Human Rights in Islam). Minhaj Publishers. 365-M-Model

Tierney, Brian (1997). The Idea of Natural Rights: Studies on Natural Rights, Natural Law, and Church Law. Wm. B. Eerdmans Publishing.

Veblen, Thorstein (1899): The Theory of the Leisure Class: an economic study of institutions, Dover Publications, Mineola, N.Y., 1994,. (also available: Project Gutenberg e-text)

SINGKATAN ISTILAH DAN AKRONIM

ACP	Asisten Komisioner Polis	NGO	Non-governmental organizations
AGM	Annual General Meeting	PDRM	Polis Diraja Malaysia
ASEAN	Association of Southeast Asian Nations	PETRONAS	Petroleum Nasional Berhad
ASP	Asisten Superintenden Polis	PNB	Permodalan Nasional Berhad
BMA	British Military Administration	PRCA	Public Relations Consultants' Association of Malaysia
CEO	Chief Executive Officer	PRIA	Public Relations Institute of Australia
CI	Consumers International	PRINZ	Public Relations Institute of New Zealand
DAW	Advancement of Women	PRO	Public Relations Practitioner
DYMM	Duli Yang Maha Mulia	PROTON	Perusahaan Otomobil Nasional Sdn Bhd
EON	Edaran Otomobil Nasional	PRSA	Public Relations Society of America
FAPRO	Federation of ASEAN Public Relations Organization	PRSI	Public Relations Society of Indonesia
FOMCA	Federation of Malaysian Consumers Associations	SLPS	Sierra Leone Police Service
GA	Global Alliance	UDHR	Universal Declaration of Human Rights
GA	Global Alliance	UIAM	Universiti Islam Antarabangsa Malaysia
IABC	International Association of Business Communicators	UiTM	Universiti Institut Teknologi MARA
IABC	International Association of Communicators	UKM	Universiti Kebangsaan Malaysia
IABC	International Association of Communicators	UM	Universiti Malaya
ICC	International Criminal Court	UMNO	United Malay National Organization
IOCU	International Organisation of Consumers Unions	UN	United Nations
IOCU	International Organisation of Consumers Unions	UNAMSIL	United Nations Mission in Sierra Leone
IPRA	International Public Relations Association	UNHCHR	UN High Commissioner for Human Rights
IPRM	Institute of Public Relations Malaysia	UNPOL	United Nations Civilian Police
IPRMSA	Public Relations Malaysia Student Association	UPM	Universiti Putra Malaysia
IPRS	Institute of Public Relations Singapore	USA	United States of America
IPTA	Institusi Pengajian Tinggi Awam	USKPNKK	Urusetia Ketua Polis Negara (Komunikasi Korporat)
ITM	Institut Teknologi MARA	USM	Universiti Sains Malaysia
LAN	National Accreditation Board	UUM	Universiti Utara Malaysia
MAA	Memorandum and Articles of Association	WCRP	World Conference on Religion and Peace
MAA	Memorandum and Articles of Association		

“Transformational leaders don't start by denying the world around them. Instead, they describe a future they'd like to create instead.”

Seth Godin



SEKALUNG PENGHARGAAN

Jabatan Penerangan Malaysia

merakamkan setinggi-tinggi penghargaan kepada semua pihak yang terlibat dalam penerbitan buku
TRANSFORMASI PERHUBUNGAN AWAM DI MALAYSIA

dan semua pihak yang telah memberikan sumbangan dan kerjasama
dalam menjayakan penerbitan buku ini.

ISBN 978-983-54-0583-9



9 789835 405839

CERTIFIED TO ISO 9001:2008
CERT. NO: MY-AR5240